

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1988/89

Jun 1989

CSS302 - Sistem Pengoperasian

Masa : | 3 jam |

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mendandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. (i) Apakah objektif-objektif utama sesuatu sistem pengoperasian jenis multi-pemprograman?

| 10/100 |

- (ii) Terangkan sebab-sebabnya 'penimbali' digunakan di dalam operasi input/output.

| 10/100 |

- (iii) Nyatakan jenis peranti input/output yang diperlukan bagi sesuatu sistem memori maya serta sebab-sebabnya.

| 30/100 |

- (iv) Bincangkan kenyataan berikut:

"Konsep multi-pemprograman tidak berguna (iaitu ia tidak boleh digunakan untuk meningkatkan lagi prestasi pemprosesan sesuatu sistem komputer) sehingga saluran memori pencapaian terus diadakan."

| 50/100 |

2. (i) Apa itu "Pengelelendungan" (SPOLLing) di dalam konteks suatu sistem komputer?

| 20/100 |

...2/-

- (ii) Pada pendapat anda, nyatakan sama ada sistem komputer peribadi yang moden (iaitu pada masa depan) akan mempunyai kemudahan penggelendungan?

| 20/100 |

- (iii) Skima penskedulan "Pusingan Robin" biasanya mengendalikan satu senarai proses yang mengandungi proses-proses yang boleh dilaksanakan oleh CPU; dan biasanya setiap proses itu berlaku di dalam senarai proses itu hanya satu kali sahaja.

- (a) Apa akan terjadi jika suatu proses itu berlaku lebih daripada satu kali di dalam senarai proses tersebut?

| 30/100 |

- (b) Adakah keadaan sebegini dibenarkan? Kenapa?

| 30/100 |

3. (i) Membezakan masa "Turnaround" dan masa "Tunggu" di dalam konteks penskedulan CPU.

| 10/100 |

- (ii) Andaikan kerja-kerja berikut yang meniba di giliran sedia dengan jujukan 1, 2, 3, 4, 5 yang akan dilaksanakan oleh satu CPU:

Kerja	Masa Letusan CPU	Prioriti
1	10	3
2	1	1
3	2	3
4	1	4
5	5	2

- (a) Lukiskan carta Gantt untuk mengilustrasikan perlaksanaan kerja-kerja di atas dengan menggunakan kaedah penskedulan
- Yang dulu didulukan
- Pusingan Robin (dengan masa kuantum=1)
- Kerja Paling Singkat dahulu
- Prioriti tanpa 'preempt'

| 25/100 |

...3/-

(b) Hitungkan masa 'turnaround' bagi setiap kerja menggunakan algoritma penskedulan di dalam bahagian (a).

| 25/100 |

(c) Apakah masa 'Tunggu' bagi setiap kerja menggunakan algoritma penskedulan di dalam bahagian (a)?

| 25/100 |

(d) Nyatakan kaedah penskedulan yang akan menghasilkan masa purata tunggu yang paling singkat (secara keseluruhan).

| 15/100 |

4. (i) Nyatakan tiga jenis kaedah pengurusan memori di dalam sistem multi-pemprograman.

| 5/100 |

(ii) Untuk setiap kaedah pengurusan memori yang dinyatakan di atas,uraikan masalah serpihan-dalam dan serpihan-luar.

| 30/100 |

(iii) Terangkan cara-cara yang dapat mengatasi masalah serpihan-luar serta serpihan-dalam.

| 40/100 |

(iv) Dengan menggunakan gambarajah, anda diminta menunjukkan cara strategi perletakan memori "Penyuian paling buruk" dan "Penyuian pertama" serta membincangkan kekuatan dan kelemahan setiap strategi ini.

| 25/100 |

5. (i) Apakah implikasi saiz halaman terhadap prestasi sesuatu sistem pengoperasian yang menggunakan teknik penghalaman memori?

| 30/100 |

...4/-

- (ii) Di dalam sistem memori maya, tiga jenis algoritma yang boleh dipertimbangkan untuk penggantian halaman ialah algoritma Yang-dulu-didulukan, algoritma optimum, dan algoritma LRU (Least Recently Used).

Tentukan jumlah sampukan halaman yang dihasilkan di dalam setiap algoritma tersebut di atas untuk jujukan permintaan halaman berikut:

1 2 3 1 4 5 9 8 1 2 3 9 3 4 1 2 3 9 5 1 2 3 4

Anggapkan bahawa lima blok memori diperuntukan kepada proses itu.

|70/100|

- 0000000 -